

# Had umur sertai Puteri Umno bawah 25

**SH** KUALA LUMPUR, 10 Ogos 2000. Keputusan Exco Pergerakan Wanita Umno Pahang, hari ini.

bersejua-  
nita Umno di sini hari ini bersetuju menetapkan had umur keahlian bagi Puteri Umno yang akan ditubuhkan tidak lama lagi ialah bawah 25 tahun, berbanding cadangan asal iaitu bawah 40 tahun.

Ketuanya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata langkah itu bertujuan mengelak perpecahan dalam pergerakan itu jika had umur ditetapkan bawah 40 tahun.

Keputusan itu juga, katanya, menepati matlamat asal penubuhan Puteri Umno yang mahu menarik lebih ramai wanita muda menyertai parti.

Katanya, maklum balas yang diputuskan pergerakan itu berhubung perkara berkenaan akan dikemukakan kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Khamis ini.

"Puteri Umno perlu mempunyai struktur yang ada hubung kait dengan pergerakan ini bagi memastikan kekukuhan parti dan mewujudkan koordinasi antara dua badan terutama dalam menguruskan pilihan raya.

"Oleh itu, ketua puteri di peringkat cawangan, bahagian, perhubungan puteri, exco puteri dan ahli Majlis Tertinggi (MT), secara automatik perlu menjadi ahli jawatankuasa Pergerakan Wanita Umno pada peringkat berkenaan," katanya selepas mesyuarat itu di Ba-

Langkah itu wajar kerana ahli Puteri Umno adalah mereka yang tidak mempunyai pengalaman dalam banyak perkara dan Pergerakan Wanita Umno sedia mengemblem tenaga membantu mereka.

Bagaimanapun, pihaknya tidak menghalang jika pucuk pimpinan parti dan MT mahu meneruskan penubuhan Puteri Umno mengikut cadangan asal iaitu keahliannya bawah umur 40 tahun dan mempunyai struktur sendiri yang tiada kaitan dengan Wanita Umno.

"Kita tak pernah menentang penubuhan Puteri Umno kerana kita sedar, anak muda perlu dibabitkan dalam perjuangan parti, tetapi kita perlu melihat kesan positif dan negatif penubuhan itu kepada Wanita Umno dan parti untuk jangka panjang.

"Jadi, selepas bermesyuarat, kita bersetuju menetapkan had keahlian Puteri Umno bawah 25 tahun, berbanding 40 tahun dan kita fikir tempoh tujuh tahun dalam Puteri Umno sudah mencukupi sebelum mereka menyertai Wanita Umno," katanya.

Rafidah berkata, penetapan umur bawah 25 tahun adalah wajar dan mencerminkan anak muda dan puteri, manakala mereka berusia lebih 25 tahun sudah dianggap matang dan boleh berkecimpung dalam Wanita Umno.